

78 pasukan beradu tenaga di UPM

SAINGAN Kosmo! Varsiti Futsal 2009 peringkat Universiti Putra Malaysia (UPM) di Kompleks Tenis UPM, Serdang yang bermula semalam mencipta sejarah dengan penyertaan sebanyak 78 pasukan.

"Saya berpuas hati dengan jumlah penyertaan yang ramai ini, sekali gus memberi kita banyak pilihan untuk mendapat wakil yang betul-betul mantap bagi saingan Grand Final nanti," kata Penolong Pendaftar Pusat Sukan UPM, Saheh Said semalam.

Hari pertama saingan di UPM semalam menyaksikan perlawanan peringkat kumpulan bagi kategori lelaki berlangsung manakala kategori wanita dijalankan secara kalah mati memandangkan jumlah penyertaan yang banyak.

Kategori Lelaki Terbuka menampilkan 14 pasukan yang dibahagikan kepada empat kumpulan, Lelaki B-23 menampilkan 20 pasukan dengan lima kumpulan, Lelaki B-21 dengan 17 pasukan yang diasingkan dalam lima kumpulan manakala Wanita Terbuka dengan 27 pasukan secara format kalah mati.

Selepas saingan awal berakhir semalam, Saheh berkata, saingan peringkat suku akhir ke atas bakal berlangsung hari ini bermula pukul 8.30 pagi ini dan perlawanan akhir dijadualkan berlang-



ANTARA aksi-aksi menarik yang membabitkan perlawanan di UPM semalam.

sung pada pukul 3 petang ini.

"Berbanding format secara zon tahun lalu, saya rasa format secara peringkat universiti itu dapat memberi peluang untuk setiap universiti memilih pasukan terbaik untuk ke Grand Final dan dalam masa sama dapat menyediakan kejohanan antara kolej dan kumpulan pelajar," jelas Saheh.

Para pemain dan penonton semalam turut diserikan dengan persembahan penyanyi popular, Elyana serta dua band indie, Ask Me Again dan Matematik menerusi slot konsert mini yang dibawa oleh penaja utama, DiGi.